

## INSIDEN PERANCAH BESI JATUH DI PEMBINAAN LEBUHRAYA DAMANSARA – SHAH ALAM (DASH)

Kementerian Kerja Raya (KKR) amat kesal dengan insiden perancah besi (scaffold) yang jatuh di lokasi Persimpangan Bertingkat Kota Damansara, Lebuhraya NKVE melibatkan kerja-kerja pembinaan Lebuhraya Damansara – Shah Alam (DASH) pada jam 7:15 malam tadi (19 Jun 2021) sehingga menyebabkan dua pekerja warga Bangladesh cedera dan telah dibawa ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan.

Syarikat Konsesi iaitu Projek Lintasan Damansara Shah Alam Sdn. Bhd. (PLDSASB) telah diarahkan menghentikan serta merta kerja yang melibatkan struktur sementara (false works).

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan juga Jurutera Perunding iaitu Zaidun Leeng Sdn. Bhd. (ZLSB) pula telah diarahkan untuk menyediakan laporan lengkap dalam tempoh seminggu.

KKR akan meneliti laporan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) berhubung insiden berkenaan.

Untuk makluman semasa kerja-kerja menuang konkrit dijalankan, kawasan pembinaan adalah ditutup sepenuhnya kepada pengguna sepertimana prosedur yang telah ditetapkan.

Kerja-kerja dengan menggunakan kaedah kejuruteraan yang sama melibatkan keseluruhan empat belas (14) lokasi di kawasan tersebut yang mana empat (4) telahpun disiapkan. Kejadian adalah melibatkan lokasi kelima (5) yang sedang giat dilaksanakan.

Semakan awal LLM menunjukkan bahawa rekabentuk perancah adalah teratur dan telah disahkan oleh Jurutera Perunding. Baki kerja melibatkan sepuluh (10) lokasi hanya boleh diteruskan setelah laporan audit oleh pihak Jurutera Perunding Bebas (ICE) dikeluarkan.

Pihak konsesi juga telah diarahkan untuk memberikan bantuan yang sewajarnya kepada mangsa yang teribat.

Sebagai langkah keselamatan, lorong kanan kedua-dua hala di Lebuhraya Lembah Klang Selatan (NKVE) di kawasan berkenaan adalah ditutup sepenuhnya.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**20 Jun 2021**

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my